

15 NOV 1997

Abdullah-APEC

ISU AKTA IRAN-LIBYA MUNGKIN DIBINCANG PADA SIDANG APEC

KEPALA BATAS, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia menjangkakan isu penguatkuasaan undang-undang sesebuah negara terhadap negara lain dibincangkan pada persidangan negara-negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Vancouver, Kanada pada 24 Nov ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata, isu itu menarik perhatian banyak negara dan ia pernah dibincangkan pada persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Edinburgh baru-baru ini.

Katanya dalam pernyataan bersama pada persidangan itu, negara-negara anggota menolak tindakan mana-mana negara yang menguatkuasa atau memaksakan undang-undangnya terhadap negara lain.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung tahunan Pergerakan Belia 4B (M) Pulau Pinang di sini, Abdullah berkata banyak negara Komanwel yang menyertai Apec seperti New Zealand, Malaysia, Brunei, Australia, Kanada dan Singapura dan tiada salahnya perkara ini ditimbulkan pada persidangan APEC itu.

"Apa salahnya ia dibincangkan kerana perkara berkenaan mempunyai hubungkait secara langsung dengan kerjasama ekonomi negara-negara terbabit serta bersangkutan dengan amalan perdagangan," katanya ketika ditanya sama ada usul mengenai penguatkuasaan Akta Sekatan Iran-Libya oleh Amerika Syarikat terhadap negara lain dibincangkan pada mana-mana forum antarabangsa.

Abdullah berkata tindakan memaksa pelaksanaan undang-undang terhadap sesebuah negara dengan niat menghalang sesebuah negara menjalin hubungan perdagangan dengan negara lain adalah bercanggah dengan amalan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Beliau berkata jika perkara itu ditimbulkan pada persidangan APEC, ia merupakan satu tindakan yang spontan dan semasa.

Mengenai laporan akhbar bahawa Presiden Bill Clinton mahu membincangkan isu krisis matawang di rantau Asia Tenggara pada persidangan APEC, Abdullah berkata ia merupakan satu tindakan yang baik.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah mengumumkan bahawa beliau akan membawa perkara itu pada persidangan berkenaan dan menganggap bahawa Amerika Syarikat tidak membantah maksud berkenaan.

"Kita harap Apec akan dapat merumuskan tindakan untuk mengatasi krisis matawang ini serta mengadakan peraturan mengenai perdagangan matawang," katanya.

Abdullah juga menyambut baik tindakan Gerakan belia 4B(M) negeri yang mengemukakan usul mengutuk campurtangan asing dalam urusan pentadbiran negara dan menyokong kepimpinan Perdana Menteri pada mesyuaratnya hari ini.

Katanya tindakan itu patut dicontohi pertubuhan-pertubuhan lain dalam mempertahankan kedaulatan negara dan maruah bangsa Malaysia.

Beliau berkata walaupun Amerika Syarikat belum menghantar wakilnya untuk menyiasat syarikat Petronas yang membuat pelaburan dan usahasama dengan syarikat dari Perancis, Rusia dan Indonesia di Iran dalam bidang petroleum, semua pihak telah menolak tindakan itu dan menyokong Perdana Menteri. -- BERNAMA

ZU NAK